

## **FAQ BERKAITAN SPPT**

**Soalan :** Adakah saya boleh mengambil kursus bagi pakej/bidang SPPT yang berbeza fakulti/kolej/pusat dalam satu semester?

**Jawapan :** Boleh, kerana program SPPT ini adalah ditawarkan secara silang bidang dan pelbagai bidang (multidisciplinary).

**Soalan :** Adakah kursus yang diambil oleh saya akan dikira di dalam kredit dapat program semasa yang diambil oleh saya?

**Jawapan :** Tidak dikira dalam kredit dapat bagi program semasa, walaubagaimanapun pelajar yang mengambil kesemua kursus SPPT yang ditawarkan secara berpakej dalam satu bidang akan mendapat sijil tambahan iaitu Sijil Program Pengkhususan Terbuka bagi bidang tersebut manakala pelajar yang mengambil kursus yang tidak berpakej akan mendapat Sijil Tamat Kursus (STK) bagi kursus yang yang diambil.

**Soalan :** Adakah program ini ditawarkan kepada semua pelajar PrasiswaH UMP?

**Jawapan :** Dibuka kepada semua pelajar Ijazah Sarjana Muda tetapi tiada halangan sekiranya pelajar Diploma ingin turut serta mengambil kursus dalam program ini.

**Soalan :** Berapakah yuran yang perlu dibayar untuk mendaftar dalam program ini?

**Jawapan :** Buat masa ini, pendaftaran bagi kursus untuk program ini adalah tanpa bayaran. Akan dikenakan bayaran bagi cetakan sijil SPPT dan STK sahaja. Pemakluman berkenaan dengan maklumat bayaran akan di maklumkan kepada para pelajar dari semasa ke semasa.

**Soalan :** Bagaimana jadual pembelajaran SPPT ini?

**Jawapan :** Jadual pembelajaran adalah sama seperti mana jadual bagi kursus-kursus yang sedia ada. Senarai jadual adalah seperti tersenarai semasa pelajar mendaftar di E-community pelajar di bahagian *SPT Course Registration*. Sekiranya pelajar mengambil kursus SPPT yang juga adalah merupakan kursus elektif bagi kolej/fakulti/pusat, jadual pembelajaran akan digabungkan bersama dengan pelajar tersebut.

**Soalan** : Adakah dibenarkan sekiranya saya ingin mengambil kursus SPPT ini bagi melengkapkan 12 kredit untuk minimum kredit untuk dapatkan anugerah dekan

**Jawapan** : Sekiranya kursus ini diiktiraf sebagai kursus elektif dalam struktur kurikulum program anda, maka ianya akan dikira.

**Soalan** : Adakah dibenarkan sekiranya saya ingin mendaftar kursus SPPT yang tidak ditawarkan?

**Jawapan** : Pendaftaran kursus SPPT adalah tertakluk kepada penawaran yang dibuat oleh Kolej/Fakulti/Pusat mengikut semester.

**Soalan** : Bagaimakah bentuk penilaian SPPT?

**Jawapan** : Penilaian adalah sama seperti kursus-kursus sedia ada di UMP.

**Soalan** : Berapakah kuota pelajar bagi kelas SPPT dan kuota pelajar bagi kelas biasa (bagi kursus yang ditawarkan di fakulti sebagai kursus biasa)?

**Jawapan** : Kuota pelajar adalah tertakluk kepada penawaran di peringkat fakulti dengan bilangan minimum adalah 10 hingga 15 orang bagi pelajar yang mengambil kursus SPPT.

**Soalan** : Bagaimana sekiranya jika saya ingin mengambil kursus ini semasa pengajian saya di tahun akhir?

**Jawapan** : Kursus ini boleh diambil sepanjang pengajian di UMP, tiada masa yang ditetapkan. Sekiranya kursus ini dibuka kepada komuniti luar, pelajar boleh meneruskan untuk mengambil setelah tamat pengajian di UMP bagi melengkapkan SPPT.

**Soalan** : Adakah pelajar daripada kampus Pekan boleh mengambil kursus yang ditawarkan oleh Kolej/Fakulti/Pusat di Kampus Gambang?

**Jawapan** : Sekiranya pengajaran dan pembelajaran dilaksanakan secara dalam talian pelajar boleh mengambil kursus-kursus yang ditawarkan tersebut.

**Soalan** : Adakah boleh mengambil 5 kursus dalam bidang yang berbeza dan ditawarkan oleh fakulti yang berbeza?

**Jawapan** : Boleh dan dibenarkan. Pelajar akan mendapat Sijil Tamat Kursus (STK) sahaja.

**Soalan** : Adakah *Pre-requisite Requirement* diperlukan bagi sesetengah bidang yang ditawarkan SPPT?

**Jawapan** : Tiada *Pre-requisite* bagi kursus SPPT dalam sesuatu bidang tetapi pelajar perlu mengambil mengikut turutan kursus dalam bidang yang ditawarkan.

**Soalan** : Adakah SPPT boleh diambil semasa semester lazim sahaja?

**Jawapan** : Buat masa ini kursus SPPT ditawarkan pada semester lazim sahaja. Cadangan untuk penawaran kursus SPPT semasa semester pendek tertakluk kepada perancangan di peringkat Kolej/Fakulti/Pusat.

**Soalan** : Bolehkah saya mengambil SPPT yang ditawarkan oleh fakulti lain?

**Jawapan** : Boleh, dan ianya sangat digalakkan

**Soalan** : Macam mana nak tahu bila SPPT tersebut ditawarkan? Adakah ia akan diumumkan?

**Jawapan** : Akan dibuat pengumuman seperti mana penawaran kursus program biasa.